

29hb. September, 1977.

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 24 TAHUN 1977

**Elaun Lebihmasa kepada Drebar-drebar
Menteri-menteri / Timbalan-timbalan Menteri.**

Adalah dimaklumkan bahawa mengikut Surat Pekeliling Am Bil. 10/1971 dan surat PM. Rahsia 11456/2 Jld. II bertarikh 26hb. Ogos, 1971, Drebar-drebar yang diambil kerja oleh Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri adalah layak menerima bayaran lebih masa mengikut peraturan-peraturan yang biasa.

2. Adalah sekarang diputuskan bahawa bayaran lebihmasa yang dibayar kepada mereka itu tidaklah terhad kepada 1/3 daripada sebulan gaji seseorang Drebar itu.
3. Tarikh kuatkuasa pembayaran elaun lebihmasa yang tersebut ialah 1.7.1977.

Sekian.

Saya yang menurut perintah,

(BAHARUDDIN BIN ABDUL MULUK)
Bahagian Gaji,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

Ketua Setiausaha Negara,
Jabatan Perdana Menteri,
Malaysia,
Kuala Lumpur.

Semua Ketua-ketua Setiausaha Kementerian.

Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri.

s.k. Akauntan Negara,
Malaysia,
Kuala Lumpur.

Juru Audit Negara,
Malaysia,
Kuala Lumpur.